

* DAPUR PILIHAN





Kongsi Idea Cipta

dapur

PENGALAMAN MENGUBAH SUAI KEDIAMAN BARU DI BUKIT JELUTONG OGOS TAHUN LALU BEGITU BERERTI BUAT PASANGAN ROSOL DAN RAHIMAWATI. MENYEDARI BANYAK RUANG YANG MEMERLUKAN PENGUBAHSUAIAN, ROSOL BERPENDAPAT DIA PERLU MEMBERIKAN KEUTAMAAN KEPADA RUANGAN YANG PENTING DAHULU.

Teks DELLY DARLINA DIMYATI Foto MOHD IZARI ROSLI
Pereka: RENO CONCEPT, SEKSYEN 13, SHAH ALAM.

*Kata Rasol,
sewaktu
menetap di Ara
Damansara,
dia dan isteri
memilih konsep
country dalam
warna putih
untuk dapur
kering mereka.
Namun kini
dia dan isteri
selesa untuk
menjadikan
moden
kontemporari
untuk
menyelaakkan
fungsi dapur
yang lebih
praktikal.*



“Kami di Reno Concept juga sentiasa mengutarakan idea dan cadangan rekaan terkini yang praktikal bersesuaian dengan gaya hidup masyarakat Malaysia. Kami prihatin terhadap fungsi dapur kini yang lebih luas, bukan sekadar sebagai tempat memasak dan menyediakan makanan semata-mata.
“ - ERIC & LING, SENIOR DESIGNER, RENO CONCEPT SDN BHD.



Sungguhpun mahukan kamar mandi dan bilik air yang istimewa, namun pujukan Rahimawati untuk mendahulukan pengubahsuaian di ruang dapur berjaya meraih perhatiannya. Menyedari kepentingan dapur serta minat isteri tercinta terhadap ruangan itu, Rosol bertekad untuk merealisasikan konsep dapur moden dan praktikal sebagai tanda cinta yang tidak bertepi.

Bijak memilih material

Sebelum melangkah masuk ke kediaman baru, Rosol pastikan kediaman itu bebas dari serangan anai-anai. Bimbang dengan serangan serangga perosak, dia akhirnya mendapatkan khidmat menanam ubat anti anai-anai di setiap penjuru kediaman baru.

“Pengalaman jiran lama kami dijadikan pengajaran. Sayang rasanya, jika kabinet baru yang dipasang nanti dimakan anai-anai,” terangnya sambil tersenyum. Kata Rasol, sewaktu menetap di Ara Damansara, dia dan isteri memilih konsep *country* dalam warna putih untuk dapur kering mereka. Namun kini

dia dan isteri selesa untuk menjadikan moden kontemporari untuk menyerlahkan fungsi dapur yang lebih praktikal.

Pengalaman mereka menggunakan permukaan kaunter dapur daripada bahan granit juga dijadikan pengajaran. Permukaan kaunter dari granit juga kala itu mendatangkan masalah kerana mereka tidak menggunakan kayu padu untuk kabinet.


“Paling bagus rasanya material dari granit untuk permukaan kaunter. Sungguhpun mahal, granit lebih kukuh berbanding permukaan *solid surface*. Bagaimanapun, granit perlu dipadankan dengan pintu kabinet dan kerangka dari kayu padu. Ini kerana padanan kayu yang tidak teguh akan menyebabkan kabinet melengkung akibat tidak mampu menahan beban permukaan kaunter daripada bahan granit tersebut.

“Satu kekurangan pada material granit adalah ketidakmampuannya untuk diperbaiki. Jika retak atau pecah, ia perlu ditukar kesemuanya. Sebab

itu apabila berpindah ke rumah baru, kami agak cerewet memilih material untuk dapur kami. Selain menimbangkan harga yang bersesuaian kualiti material, kami turut menumpukan aspek keselamatan dan risikonya,” jelasnya.

Rosol dan isteri akhirnya memilih *solid surface* untuk permukaan kaunter dapur kering, setelah menyedari kelebihan yang ada pada material tersebut. Menurutnya selain memberikan gaya dapur yang moden, permukaan kaunter *solid surface* menawarkan lebih banyak pilihan daripada segi warna dan rekaan. Keistimewaan lain pada kaunter jenis *solid surface* adalah ia boleh digilap semula untuk menghilangkan kesan calar yang mencacat kesempurnaannya.

Jika di rumah lama mereka menggunakan lantai lamina untuk ruang dapur mereka, namun kini jubin menjadi pilihan utama. Apatah lagi mempunyai lima orang cahaya mata yang sedang membesar, jubin dirasakan amat praktikal dan mudah dijaga.



Jubin yang menjadi pilihan di dapur kering ini berukuran 2 x 2 kaki persegi, berpermukaan licin dalam rona hitam, serta berjaya memberikan efek elegan pada lantai dapur. Kontras jubin ini begitu berkesan pada ruang dapur kering yang menggunakan kabinet dapur warna putih. Gaya dapur moden tampil menyerlah dan gandingan warna hitam putihnya nampak begitu serasi.

Kehadiran back-splash menggunakan mozek rona coklat, kelabu dan krim yang disusun berselerak, menonjolkan karakter di ruang dapur kering. Di apit oleh rak kaca berkabus, pemilihan hud daripada keluli tahan karat jenama Fagor memperjelaskan lagi konsep moden ini.

Istimewanya kaunter semenanjung

Kaunter semenanjung yang diwujudkan pada hujung unjuran kabinet dapur, nampaknya begitu istimewa di mata keluarga ini. Apa

tidaknya, di situlah mereka sekeluarga menikmati hidangan setiap hari. Kehadiran dua buah kerusi bar boleh laras, pilihan tepat di ruang itu.

Walaupun kaunter tidak formal itu mampu menampung empat orang ahli keluarga sahaja dalam satu masa, namun sudut itu paling digemari kerana berdekatan dengan peti sejuk, dapur kering dan dapur basah.

"Kami biasa menikmati sarapan di sini. Ruang makan formal ada juga digunakan terutama jika terdapat banyak hidangan. Ia juga menjadi ruang makan pilihan kami jika mahu menikmati hidangan serentak."

Pengubahsuaian

Dapur yang berkeluasan 12 x 4 kaki persegi ini, diakui agak terhad ruangnya. Namun setelah pengubahsuaian, dapur asas yang dahulunya membosankan, kini berubah wajah. Untuk pengayaan di dapur kering, pasangan ini mendapat bantuan pereka profesional daripada Reno Concept untuk merealisasikan kabinet dapur yang dihajati.

Rahimawati yang gemarkan konsep moden kontemporari, begitu teruja melihat lakaran 3D idea perekanya; Eric Chan dan Ling.

"Kami sudah survey di banyak ruang pameran kabinet dapur, namun tidak ada yang dapat memenuhi cita rasa. Mujur pereka di Reno Concept tahu apa yang kami mahukan. Lukisan 3D yang dihasilkan sahaja sudah cukup membuatkan hati kami berkenan," katanya yang menyaratkan warna putih untuk kabinet di dapur kering.

Antara ciri menarik kabinet adalah penggunaan laci tarik dan pintu gelas berkabus yang moden. Kehadiran rak dengan penutup roller shutter, begitu praktikal dan menjimatkan ruang. Penggunaan cermin berhampiran kaunter semenanjung juga tidak ketinggalan menjadikan ruang terhad nampak besar. Kabinet dapur bentuk L dengan penambahan kaunter semenanjung ini turut dilengkapi dengan lampu bercahaya putih untuk pencahayaan ruang yang baik. Jelas Rosol, permainan lampu di dalam dan di bawah kabinet kata amat penting untuk menerangi

Walau mempunyai anak ramai, dia tiada masalah untuk mengekalkan kebersihan dapur kerana anak-anaknya dilatih mengemas setiap kali selesai makan.



kawasan kerja. Untuk pencahayaan di siling, lampu halogen kuning dan putih memberikan pilihan untuk jenis mood yang ingin diwujudkan. Bagi menzahirkan suasana tenang dan romantik, biasanya mereka memilih untuk menggunakan lampu halogen warna kuning di seluruh ruang kediaman, termasuk ruang dapur.

"Pilihan warna lampu adalah seragam untuk seluruh rumah. Pilihan lampu pula, biarlah sederhana namun mampu memberikan fungsi yang kami mahukan. Jika mahu ketenangan, kami akan pasang lampu halogen warna kuning. Jika tidak, kami lebih senang menggunakan cahaya putih sahaja," kata Rosol yang hanya membelanjakan sekitar RM200 untuk lampu kediamannya.

Selain dapur kering, dapur basah juga diwujudkan di bahagian belakang kediaman untuk menyempumakan gaya dapur keluarga. Menurut Rahimawati, dapur basah adalah ruang memasaknya yang sebenar. Meninjau ke ruang itu, dapur tiga tungku bersekali ketuhar, kabinet dan dua ruang

singki kelihatan mendapat tempat. Bukan tingkap yang luas dan lebar juga membenarkan cahaya semula jadi menerangi di kawasan penyediaan memasak sekali gus menghindar daripada kemalangan atau kecuaihan.

"Cahaya dan ventilasi yang sempurna yang mencukupi amat penting di ruang dapur basah. Sebab itu, kami memilih tingkap dengan bukaan tiga panel seperti ini. Dapur basah kami kecil sahaja, namun penuh fungsi. Pilihan jubin lantai adalah daripada jenis yang tidak licin, manakala ruang dindingnya disenikan dengan jubin licin bermotif."

Penjagaan dapur perlu berterusan

Rutin Rahimawati di dapur tidak menentu. Oleh sebab dia bekerja, maka ruang itu hanya digunakan dengan sepenuhnya pada hari cuti umum dan hujung minggu.

"Jika hari bekerja, saya hanya gunakan dapur untuk penyediaan sarapan sahaja. Untuk tengah hari

dan malam pula, ada kala saya akan memasak dan adakala, beli sahaja lauk di luar."

Kata Rahimawati, walau mempunyai anak ramai, dia tiada masalah untuk mengekalkan kebersihan dapur kerana anak-anaknya dilatih mengemas setiap kali selesai makan.

Menurutnya lagi, ruang itu menjadi keutamaan kerana dia pasti meluangkan masa membersihkan ruang dapur kering dan basah setiap pagi hari bekerja. Namun pada hari cuti, rutin di dapur bertambah dan kekerapan menggunakan dapur membuatkan dia perlu membersihkannya tiga atau empat kali sehari.

"Dapur basah adalah kawasan yang paling sukar untuk dijaga. Lebih-lebih lagi jika memasak menggunakan minyak jagung. Oleh kerana sentiasa beminyak dan melekit, ruang itu perlu dimop setiap minggu atau sejurus selesai memasak," ujarnya menamatkan perbualan bersama krew DAPUR Impiana yang datang bertandang ke kediamannya.

Latar belakang:

SIAPA YANG TINGGAL DI SINI?

Mohd Rosol Ahmad (37 tahun), Rahimawati Mohamad Yusoff (37 tahun), anak-anak; Nur Farhana Athira (12 tahun), Nur Farah Afiqah (10 tahun), Ahmad Danial (9 tahun), Ahmad Firdaus (7 tahun), Nur Farha Aisyah (3 tahun)

SUDUT PENYERI DI DAPUR?


Kaunter semenanjung. Sudut makan santai ini menjadi tempat lepak sekeluarga.

APA PERKAKASAN DAPUR YANG MESTI ADA?

Ketuhar. Ini kerana Rahimawati sentiasa menggunakannya untuk menyediakan hidangan kegemaran keluarga seperti muffin, kek dan biskut.

KOLEKSI KESAYANGAN DI DAPUR?

Dekorasi magnet peti sejuk. Antara koleksi magnet adalah daripada koleksi peribadi dan hadiah rakan-rakan.



IMPIANA

dapur

April-Jun 2008

IDEA
INSPIRAS
INOVAS



www.karangkraf.com/dapurimpiana

Berhenti membazir!

5 lipatan
napkin

Profil Utama

Kaunter bar, Pulau & Semenanjung

Makanan organik,
lebih sedap dan
selamat

DAPUR
Ke Resort



M10.00



Bila
Linda Onn
Mereka Dapur

SISIPAN
DAPUR

**KEMALANGAN!
JOM ELAKKAN**

Ketahui sebab terjadinya
kemalangan di dapur
dan cara-cara
mengatasinya.

136

Produk
Pilihan DAPUR
IMPIANA

24

tip dapur
impiana

info dapur
impiana

idea
dapur impiana